

Headline	51 loji kumbahan rosak akibat banjir		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	159 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,063		



## 51 loji kumbahan rosak akibat banjir

**SEREMBAN** - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menganggarkan kerugian akibat kerosakan loji kumbahan ketika banjir di beberapa negeri baru-baru ini sekitar RM500,000.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata 51 loji mengalami kerosakan iaitu 40 di Pahang dan 11 di Terengganu, manakala di Johor, dua.

"Di Pahang, 13 loji yang rosak sudah dibaiki manakala di Terengganu belum dibaiki kerana hujan masih turun," katanya kepada pemberita selepas melakukan meninjau projek rangkaian paip pembetungan yang baharu disiapkan di sini semalam.

Katanya proses membaik pulih loji rawatan yang rosak akan mengambil masa dua minggu.



Mahdzir (kanan) diberi penerangan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Pembentukan, Datuk Mohd Akhir Md Jiwa,

"Kebanyakan kerosakan loji ini melibatkan pam dan peralatan mekanikal," katanya.

Mengenai bekalan elektrik yang terjejas akibat banjir, katanya setakat ini bekalan ke 17 pen-

cawang di Pahang diputuskan atas faktor keselamatan.

Tindakan itu melibatkan 8,050 pengguna di Maran, Jengka, Lipis dan Pekan.

"Berdasarkan cuaca mendung dan hujan, tempoh untuk memulihkan bekalan elektrik ini ambil empat hari lagi," katanya.

Menurutnya, bekalan elektrik di Terengganu, Kelantan dan Johor hampir pulih sepenuhnya.

Katanya, Tenaga Nasional Berhad (TNB) membelanjakan kira-kira RM3.9 juta bagi kerja-kerja membaik pulih dan pembejalan generator mudah alih.

"TNB juga menyumbang RM60,000 kepada mangsa banjir di Pahang, Terengganu dan Johor," katanya. - Bernama